

SKKT bantu keluarga memerlukan

➔ Sambut bulan mulia dengan meringankan beban keluarga murid-murid

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Sekolah Kebangsaan Kampung Tunku (SKKT) meraikan semangat Ramadan dengan meraikan 120 keluarga muridnya yang terdiri daripada golongan kurang upaya, asnaf dan ibu tunggal dengan sumbangan Kit Makanan Ramadan.

Program dengan kerjasama Yayasan MyKasih itu bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan dengan bekalan makanan bagi mereka yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM1,500.

Pengagihan sumbangan Ramadan itu dianjurkan serentak

dengan *Free Market 5.0* iaitu projek pengumpulan barangan terpakai daripada penduduk kawasan sekitar yang diserahkan kepada sekolah, kemudian diberikan secara percuma kepada yang memerlukan.

Barangan keperluan harian

Guru Besar SKKT, Encik Khairul Anuar Abdul Azid, berkata setiap Kit Makanan Ramadan itu mengandungi barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, tepung dan gula berharga RM150 tajaan pelbagai sumber, termasuk peniaga kedai runcit serta individu.

Katanya, pihaknya bukan sahaja menerima pakaian terpakai, malah ada penyumbang memberikan telekung dan kain pelikat baharu dalam jumlah yang besar.

“Tujuan utama program ini adalah bagi membantu keluarga murid SKKT yang memerlukan dan berharap dapat meringankan beban lebih ramai lagi pada masa akan datang.

Bantu golongan sasaran

“Kami membuat pemilihan teliti terhadap penerima sumbangan program ini menerusi pangkalan data pelajar serta keluarga yang



Encik Khairul Anuar (kiri) bersama-sama sebahagian keluarga yang menerima bantuan Kit Makanan Ramadan anjuran SKKT.

mempunyai pendapatan paling rendah dan membandingkannya dengan kos sara hidup di Petaling Jaya,” katanya.

Yayasan MyKasih iaitu sebuah organisasi tidak berkeuntungan sudah membantu ribuan keluarga dengan memberi sumbangan

makanan dengan matlamat menambah baik kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Timbalan Pengerusinya, Encik Jeffrey Perera, berkata misi yayasan itu adalah untuk membantu serta mendidik golongan miskin iaitu dengan matlamat utama bagi

memastikan mereka yang dibantu mampu berdikari pada masa akan datang.

“Kebanyakan penerima sumbangan ini terdiri daripada golongan ibu kerana merekalah yang selalunya membeli barangan keperluan,” katanya.